



The Observer

10.05.2024

❖ Mengemudi peranan pengerusi untuk memelihara tadbir urus korporat

Dalam landskap tadbir urus korporat yang rumit, seorang pengerusi ibarat suar kepimpinan yang menjadi pembimbing lembaga untuk menempuh kerumitan dalam pengawasan dan sewaktu membuat keputusan.

Walau bagaimanapun, pengerusi lembaga kadangkala gagal menggalas tugas mereka. Antara kelalaian mereka sewaktu melaksanakan tugas adalah seperti berikut:

Kelemahan komunikasi: Peranan utama pengerusi adalah untuk mempengerusikan lembaga pengarah dan mesyuarat agung serta memastikan lembaga pengarah menjalankan tugas mereka dengan lancar demi kepentingan tadbir urus korporat yang baik.

Walau bagaimanapun, pernah berlaku kejadian seorang pengerusi menunjukkan sikap acuh tak acuh berhubung kehadiran pengarah, seperti yang dibuktikan dalam mesyuarat agung luar biasa (*extraordinary general meeting*, EGM) yang diadakan baru-baru ini, yang menyaksikan para pemegang saham tidak dimaklumkan mengenai pengarah yang tidak hadir, termasuk pengarah eksekutif (*executive director*, ED).

Pengerusi kelihatan terpinga-pinga apabila ditanya oleh pemegang saham dan tidak dapat menjelaskan sebab-sebab ketidakhadiran mereka dengan memuaskan. Selain itu, kehadiran mesyuarat lembaga oleh pengarah eksekutif juga kurang memuaskan iaitu 60%. Para pengarah diharapkan supaya menumpukan masa dan perhatian yang mencukupi bagi melaksanakan tugas fidusiar mereka sebagai pengarah sebuah syarikat. Jadual yang padat tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk tidak menghadiri mesyuarat lembaga pengarah, memandangkan tarikh mesyuarat biasanya telah dijadualkan lebih awal iaitu pada awal tahun.

SOROTAN UTAMA

- Pengerusi lembaga adalah penjaga tadbir urus, memainkan peranan penting dalam membentuk trajektori lembaga serta menegakkan prinsip integriti, ketelusan dan kebertanggungjawapan.
- Walau bagaimanapun, pengerusi lembaga kadangkala gagal melaksanakan tugas mereka iaitu apabila berlaku kesilapan komunikasi, penindasan hak pemegang saham serta melampaui batas sewaktu menjalankan tugas.

Kejadian sedemikian menimbulkan kekusaran tentang kebertanggungjawapan dan mengetengahkan kepentingan komunikasi yang jelas dan ringkas bagi memupuk kerjasama dan penajajaran dalam kalangan ahli lembaga.

Penindasan hak pemegang saham: Mesyuarat agung merupakan forum penting bagi pemegang saham untuk melontarkan soalan kepada lembaga pengarah dan memastikan mereka bertanggungjawab atas keputusan dan dasar yang dibuat. Oleh itu, pemegang saham perlu diberi peluang untuk bersuara dan membincangkan keputusan lembaga pengarah yang mempunyai kaitan langsung ke atas saham yang dipegang oleh mereka.

Malangnya, beberapa syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) didapati menyekat penyertaan pemegang saham minoriti dengan menamatkan sesi soal jawab (Q&A) sebelum tamat waktunya atau langsung tidak mengadakan sesi soal jawab dengan pemegang saham.

Sebagai contoh, sebuah PLC memetik jadual perjalanan seorang pengarah yang sibuk bagi memendekkan sesi Soal Jawab. Kemudian, PLC yang sama didapati telah menjadualkan pelbagai agenda, termasuk taklimat pelabur, sidang akhbar dan AGM dalam hari yang sama.

Dalam satu lagi AGM yang dianjurkan oleh syarikat pemacu cakera keras tempatan, pengerusi lembaga pengarahnya menjalankan mesyuarat tanpa membenarkan sebarang soalan daripada pemegang saham. Walaupun kami menerima jawapan yang menyeluruh untuk soalan yang dibangkitkan sewaktu perbincangan sampingan, ketidakupayaan untuk berkongsi pandangan ini semasa AGM dijalankan, telah menjejaskan intipati mesyuarat agung, yang sepatutnya berfungsi sebagai platform untuk perbincangan yang membina dan wacana terbuka.

Pertanyaan pemegang saham sewaktu AGM amat penting dan perlu ditangani kerana ia menunjukkan ketelusan dan kebertanggungjawapan sesebuah syarikat. Pengerusi bertanggung jawab memudahkan persekitaran yang kondusif yang membolehkan penyampaian pandangan dan perbahasan yang berkesan. Kegagalan untuk memudahkan pelaksanaan mesyuarat agung dengan berkesan akan menyebabkan pemegang saham kehilangan peluang berharga untuk berinteraksi dengan pengarah serta menyuarakan kebimbangan mereka.

Overboarding: Isu *overboarding* yang menyaksikan pengerusi memegang pelbagai jawatan dalam jawatankuasa, menimbulkan risiko yang wujud terhadap integriti tadbir urus. Pemantauan Tadbir Urus Korporat 2022 mendapati bahawa kira-kira separuh daripada 869 syarikat yang dinilai tidak mengguna pakai Amalan 1.4 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), yang menyatakan bahawa pengerusi lembaga perlu mengelak daripada menjadi ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan.

Salah satu justifikasi PLC yang tidak menerima pakai Amalan tersebut adalah mereka mempunyai lembaga pengarah yang kecil dan pengerusi tidak mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa, yang sepatutnya mengurangkan kebimbangan tentang kebebasannya. Amalan sedemikian boleh menimbulkan risiko kajian semula sendiri serta penghakisan objektiviti dalam perbincangan di peringkat lembaga.

Sebaliknya, terdapat situasi yang menyaksikan pengerusi lembaga menghadiri mesyuarat jawatankuasa sebagai pemerhati. Walaupun penyertaan sebagai pemerhati dalam mesyuarat jawatankuasa mungkin dilihat sebagai sesuatu yang tidak berbahaya, namun ia secara tidak sengaja boleh menyekat wacana terbuka dan menghalang komunikasi yang berkesan dalam kalangan ahli jawatankuasa.

Bagi mengekalkan integriti tadbir urus dan memupuk pembuatan keputusan yang saksama, pengerusi lembaga tidak seharusnya menjadi ahli jawatankuasa mahupun menyertai mesyuarat sebagai pemerhati.

Kesannya terhadap tadbir urus korporat

Pengerusi lembaga, selaku penjaga tadbir urus, memainkan peranan penting dalam membentuk trajektori lembaga serta menegakkan prinsip integriti, ketelusan dan kebertanggungjawapan yang menjadi teras kepada tadbir urus yang berkesan.

Akibat daripada cabaran ini melangkaui bilik lembaga pengarah, lantas memberi kesan kepada aspek penting dalam tadbir urus korporat. Kejadian yang berlaku akibat komunikasi yang lemah dan penindasan hak pemegang saham boleh menghakis kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan, seterusnya membawa kepada kerosakan reputasi dan mengurangkan keyakinan terhadap kepimpinan organisasi.

Menangani cabaran ini memerlukan usaha bersepadu. Dengan mengakui wujudnya isu ini, melaksanakan langkah proaktif, serta memupuk budaya komunikasi dan kebertanggungjawapan, sesebuah organisasi boleh mengharungi cabaran ini dan mengemudi ke arah masa depan tadbir urus yang diperkukuh serta pertumbuhan yang mampan.

Oleh: Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 Mei 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
15.05.24 (Rabu) 09.30 pagi	Apex Healthcare Berhad (AGM)	AHEALTH mencatatkan pertumbuhan untuk tahun ke-23 berturut-turut, dengan peningkatan pendapatan sebanyak 6.7% kepada rekod tertinggi baharu berjumlah RM936.2 juta pada tahun kewangan 2023, di tengah-tengah cabaran pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta inflasi berterusan yang menjejaskan kos operasi.

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		Keuntungan bersihnya melonjak 294% kepada RM398.0 juta berbanding RM101.0 juta pada tahun kewangan 2022, terutamanya disebabkan oleh keuntungan tidak berulang berjumlah RM321.7 juta daripada pelupusan efektif 60% ekuiti dalam Straits Apex Sdn Bhd.
15.05.24 (Rabu) 10.00 pagi	Tex Cycle Technology (M) Berhad (AGM)	Pendapatan Tex Cycle meningkat 8% tahun ke tahun kepada RM35.09 juta, didorong oleh peningkatan permintaan dalam Bahagian Kitar Semula dan Pemulihan berikutan ekonomi yang semakin pulih. Keuntungan sebelum cukainya meningkat kepada RM19.31 juta (tahun kewangan 2022: RM12.99 juta), manakala untung bersih meningkat kepada RM15.74 juta (tahun kewangan 2022: RM9.74 juta) sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan sebanyak RM9.42 juta.
15.05.24 (Rabu) 02.30 petang	Zhulian Corporation Berhad (AGM)	Berhadapan cabaran mutakhir, pendapatan Kumpulan menyusut sebanyak 2.8% daripada RM136.2 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM132.4 juta pada tahun kewangan 2023. 23% daripada jumlah pendapatan Kumpulan dijana daripada pasaran tempatan manakala 76% lagi merangkumi pendapatan eksport. Keuntungan bersih Kumpulan merosot 24% kepada RM29.2 juta berbanding tahun sebelumnya. Jika dikecualikan keuntungan tidak berulang daripada pelupusan tanah di Indonesia pada tahun kewangan 2022, Kumpulan mengekalkan prestasi yang memuaskan pada tahun kewangan 2023.
16.05.24 (Khamis) 09.30 pagi	Heineken Malaysia Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan menyusut 8% kepada RM2.64 bilion, terutamanya disebabkan oleh sentimen pengguna yang lemah. Selepas mencatatkan lantunan yang kukuh pada tahun kewangan 2022, Kumpulan menganggap prestasi tahun

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>kewangan 2023 sebagai satu bentuk pembetulan pasaran.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai Kumpulan merosot 14% kepada RM510.88 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah. Sebagai perbandingan, keuntungan bersih Kumpulan untuk tahun tersebut hanya turun 6% kepada RM386.80 juta disebabkan ketiadaan cukai makmur yang tidak berulang pada tahun kewangan 2023.</p>
16.05.24 (Khamis) 10.00 pagi	Bank Islam Malaysia Berhad (AGM)	<p>Bank menunjukkan prestasi yang baik pada tahun kewangan 2023 dengan peningkatan 12.5% dalam keuntungan bersih kepada RM553.1 juta (tahun kewangan 2022: RM497.1 juta). Sehubungan itu, pendapatan sesaham (<i>earnings per share, EPS</i>) dan pulangan ekuiti (<i>return on equity, ROE</i>) bersih bagi Kumpulan telah meningkat, masing-masing kepada 24.57 sen dan 7.8%, untuk tahun kewangan 2023.</p> <p>Bank berjaya mengawal kosnya dengan baik, yang menyebabkan pengembangan nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost to income ratio, CIR</i>) yang lebih perlahan berbanding industri, iaitu daripada 59.8% pada tahun kewangan 2022 kepada 60.9%.</p> <p>Sebaliknya, kualiti aset Bank kekal teguh dengan nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang bertambah baik. Bank mengganjari pemegang saham dengan dividen yang lebih tinggi sebanyak 16.8 sen pada tahun kewangan 2023 berbanding 13.8 sen pada tahun kewangan 2022.</p>
16.05.24 (Khamis) 02.30 petang	Maxis Berhad (AGM)	Jumlah pendapatan Kumpulan meningkat 4.0% kepada RM10.18 bilion pada tahun kewangan 2023, sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan dalam pendapatan perkhidmatan dan pendapatan peranti.

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>Keuntungan bersih Kumpulan pada tahun kewangan 2023 adalah lebih rendah, berjumlah RM992 juta (tahun kewangan 2022: RM1.15 bilion), disebabkan oleh item yang tidak berulang seperti pecutan susut nilai, hapus kira aset dan penyelesaian cukai yang dibuat sekali sahaja.</p> <p>Jika dikecualikan item yang tidak berulang, keuntungan bersih Kumpulan selepas pelarasan pada tahun kewangan 2023 berjumlah RM1.35 bilion.</p>
17.05.24 (Jumaat) 09.00 pagi	P.I.E. Industrial Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023 meningkat 4.4% kepada paras tertinggi baharu sepanjang masa iaitu sebanyak RM1.2 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pesanan yang lebih tinggi yang diterima daripada pelanggan baharu dan sedia ada dalam segmen perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services, EMS</i>). Sementara itu, keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat 9% kepada RM89.5 juta pada tahun kewangan 2023, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan (RM51.6 juta) serta keuntungan yang lebih tinggi daripada pertukaran asing (RM23.4 juta). Kumpulan optimistik untuk mencapai pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024.</p>
17.05.24 (Jumaat) 10.00 pagi	PPB Group Berhad (AGM)	<p>PPB mencatatkan pendapatan berjumlah RM5.72 bilion, 9% lebih rendah dari tahun kewangan 2022. Penyusutan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada operasi tepung yang dilupuskan di Indonesia. Sementara itu, keuntungan sebelum cukainya merosot 34% kepada RM1.49 bilion, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada Wilmar iaitu sebanyak 38% kepada RM1.30 bilion.</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Apex Healthcare Berhad (AGM)	<p>1. Amalan 1.3 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 menganjurkan pengasingan jawatan antara pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (<i>Chief Executive Officer, CEO</i>) bagi menggalakkan kebertanggungjawapan dan memudahkan pembahagian tanggungjawab antara mereka. Seorang pengerusi mengetuai lembaga pengarah dalam mengawasi pasukan pengurusan, termasuk membuat keputusan mengenai pelantikan, pampasan dan penggantian CEO, manakala CEO memberi tumpuan kepada perniagaan dan pengurusan harian syarikat. Oleh itu, pengasingan peranan antara pengerusi dan CEO meningkatkan tahap kebebasan lembaga daripada pengurusan, menjurus kepada pemantauan dan pengawasan yang lebih baik.</p> <p>Pada halaman 7 Laporan Tadbir Urus Korporat 2023, Syarikat menyatakan bahawa mereka tidak menerima pakai Amalan 1.3, yang menyaksikan fungsi Pengerusi dan CEO kini digabungkan. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan kebebasan lembaga pengarah dalam menyelia pasukan pengurusan terutamanya apabila pengerusi yang mengetuai lembaga pengarah juga memegang jawatan sebagai CEO Syarikat?</p> <p>2. Dalam Penyata Kelestarian, data sebenar disediakan untuk setiap tonggak kelestarian (iaitu, ekonomi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus) tetapi petunjuk prestasi utama (<i>key performance indicator, KPI</i>) dan sasaran khusus untuk hal-hal kelestarian tidak disertakan sekali. Memasukkan KPI dan sasaran akan menambah baik mesej dan memudahkan pemahaman tentang pendekatan Kumpulan dalam hal-hal berkaitan kelestarian.</p> <p>Apakah sasaran dan petunjuk prestasi utama bagi setiap tonggak kelestarian Syarikat?</p>
Tex Cycle Technology (M) Berhad (AGM)	<p>1. Tex Cycle Sdn. Bhd. (TCSB), anak syarikat Tex Cycle telah memeterai perjanjian usaha sama dengan Culzean Generation Ltd. dan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama yang dinamakan Culzean W2E Ltd. (Culzean). TCSB mempunyai 50% kawalan ke atas Culzean, sebuah syarikat yang diperbadankan di UK dengan aktiviti utamanya pengeluaran elektrik. Walau bagaimanapun, Culzean masih belum memulakan operasinya pada akhir tahun kewangan. (Halaman 88, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Mengapakah Culzean melupuskan dua anak syarikatnya pada tahun 2023 iaitu Barbican Power Ltd. dan Holborn Energy Ltd., kepada pihak ketiga?</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>(Halaman 88, Laporan Tahunan 2023) Bagaimanakah pelupusan ini mempengaruhi pelaburan usaha sama TCSB dalam Culzean pada masa hadapan?</p> <p>b) Sila maklumkan pemegang saham tentang status permulaan operasi Culzean.</p> <p>2. Pelaburan Syarikat dalam saham disebut harga, unit amanah dan Nota Jangka Sederhana Kekal (<i>Perpetual Medium-Term Notes</i>) yang diterbitkan oleh Chin Hin Group Berhad berjumlah kira-kira RM60 juta, yang merangkumi 34% daripada jumlah aset Tex Cycle. Mengapakah Syarikat menggunakan 34% daripada tunainya untuk perniagaan bukan teras?</p> <p>3. Encik Lee ialah Pengarah Eksekutif Tex Cycle merangkap pengarah bukan eksekutif bukan bebas Solarvest Holdings Berhad. Manakala Datuk Low Chin Koon, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Tex Cycle (Datuk Low) turut memegang jawatan sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Mestron Holdings Berhad. (Halaman 4 & 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Satu lagi usaha Kumpulan adalah untuk mempelbagaikan portfolio tenaga boleh diperbaharuinya dengan menyasarkan sektor Tenaga Suria, yang menyaksikan Kumpulan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama yang dinamakan EFS MYSolar Sdn. Bhd., 70% dimiliki oleh Tex Cycle dan 30% lagi dipegang oleh rakan usaha samanya (Halaman 21, Laporan Tahunan 2023). Seterusnya, usaha terbaharu Kumpulan adalah untuk membina dan mengendalikan sebuah loji biogas kepada tenaga. (Halaman 22, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Memandangkan Solarvest Holdings Berhad berada dalam industri tenaga suria dan Mestron Holdings Berhad pula mempunyai segmen tenaga boleh diperbaharui yang terlibat dalam projek tenaga boleh diperbaharui, tenaga suria dan biogas, sila komen tentang konflik kepentingan yang dapat dilihat antara Encik Lee dan Datuk Low, yang juga pengarah Tex Cycle. Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengurus anggapan bahawa terdapat konflik kepentingan antara dua individu tersebut?</p>
Zhulian Corporation Berhad (AGM)	<p>1. Sepanjang lima tahun kewangan yang lalu, terdapat arah aliran menurun dalam pendapatan kasar dan keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan. (Halaman 2, Laporan Tahunan 2023)</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>Apakah yang menyebabkan prestasi kewangan Syarikat semakin merosot? Apakah langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan untuk menangani arah aliran menurun ini? Apakah prospek untuk tahun kewangan 2024?</p> <p>2. Operasi ZHULIAN dalam pasaran Kemboja, yang diawasi oleh syarikat sekutu Thainya, memberikan sumbangan besar sebanyak 6% kepada pendapatan keseluruhan Kumpulan pada tahun 2023. Lebih-lebih lagi apabila para pengedar di Kemboja mempamerkan semangat yang tak kunjung padam untuk model perniagaannya, seperti yang dibuktikan oleh kehadiran yang menakjubkan dalam Konvensyen Antarabangsa Global Zhulian yang diadakan pada tahun tersebut yang menyaksikan kehadiran kira-kira 2,000 peserta. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Adakah operasi ZHULIAN dalam pasaran Kemboja akan menjadi penyumbang yang amat ketara, serupa dengan pasaran Thailand dalam masa terdekat? Apakah prospek pasaran Kemboja pada tahun kewangan 2024?</p>
Heineken Malaysia Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) berjumlah RM386.80 juta pada tahun kewangan 2023, mewakili penurunan sebanyak 6.30% berbanding PAT sebanyak RM412.82 juta pada tahun kewangan 2022, dengan nisbah pembayaran dividen bagi tahun kira-kira 100%.</p> <p>Perbelanjaan modal untuk tahun kewangan 2023 turun 28% kepada RM143 juta, terutamanya disebabkan oleh tanggungan perbelanjaan yang lebih rendah.</p> <p>(Halaman 21, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Melihat keuntungan bersih Syarikat merekodkan penurunan pada tahun kewangan 2023, bagaimanakah Syarikat merancang untuk mengimbangi pembayaran dividen dengan keperluan perbelanjaan modal bagi menyokong pertumbuhan masa hadapan, lebih-lebih lagi apabila perbelanjaan modal merekodkan penurunan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>2. Imbuan Pengarah Urusan, Roland Bala, meningkat daripada RM6.06 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM6.93 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Apakah pencapaian atau metrik prestasi yang mewajarkan peningkatan dalam imbuan Pengarah</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>Urusan daripada RM6.06 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM6.93 juta pada tahun kewangan 2023?</p>
Bank Islam Malaysia Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kewangan dan Operasi</u></p> <p>1. Di bawah pelan tindakan strategik lima tahun LEAP25 (2021-2025), BIMB menumpukan perhatian pada beberapa sasaran keuntungan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan pulangan ekuiti (<i>return on equity, ROE</i>) industri yang unggul iaitu >15% • Meningkatkan sumbangan pendapatan yang tidak berasaskan dana (<i>non-fund-based income, NFBI</i>). • Mengurangkan nisbah kos kepada pendapatan (<i>cost to income ratio, CIR</i>) kepada <50% <p>Sasaran di atas nampaknya diperluas berdasarkan ROE dan CIR BIMB untuk tahun kewangan 2023 iaitu masing-masing sebanyak 7.8% dan 60.9%. Adakah Kumpulan berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran ini?</p> <p>Sila jelaskan asas untuk menetapkan sasaran ini pada masa itu (LEAP25) dan bagaimanakah persekitaran operasi telah mengalami perubahan sejak tarikh penetapan sasaran tersebut?</p> <p>a) Pada tahun kewangan 2023, pendapatan bersih Kumpulan meningkat 7.2% kepada RM2.5 bilion, meningkat daripada RM2.3 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh lonjakan sebanyak 76% (atau RM175.5 juta) dalam NFBI kepada RM406.6 juta (tahun kewangan 2022: RM231.1 juta) (Halaman 62, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>i. Walau bagaimanapun, NFBI sememangnya tidak menentu kerana ia sebahagian besarnya didorong oleh yuran dan komisen, keuntungan dan kerugian daripada aktiviti perdagangan serta urus niaga pertukaran asing. Bagaimanakah BIMB merancang untuk mengembangkan NFBI?</p> <p>ii. Nisbah NFBI BIMB sebanyak 9% pada tahun kewangan 2023 adalah lebih rendah daripada angka dua digit yang rendah yang direkodkan oleh rakan seindustri yang mempunyai saiz yang sama. Apakah nisbah sumbangan optimum yang disasarkan oleh BIMB?</p> <p>b) Selepas mencatatkan penurunan dalam margin pendapatan bersih (<i>net income margin, NIM</i>) selama dua tahun berturut-turut, adakah kita dapat melihat</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>pemulihan dalam margin pada tahun ini? Apakah faktor yang mendorong pertumbuhan margin?</p> <p>c) Gabungan NIM yang lebih rendah dan kos operasi yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 telah menyebabkan CIR sedikit merosot kepada 60.9% (tahun kewangan 2022: 59.8%). Apakah yang diperlukan untuk mencapai CIR yang disasarkan iaitu 50%?</p> <p>d) Bank telah membentangkan inisiatif pengurusan kos untuk tempoh tiga tahun, CORE, bagi menambah baik pengurusan kos dan perbelanjaan.</p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan inisiatif tersebut? Apakah bidang/ segmen yang mungkin berdepan rasionalisasi kos?</p> <p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>1. Strategi dan hala tuju kelestarian Kumpulan menggariskan komitmen untuk mengurangkan pendedahan terhadap sektor yang mempunyai risiko kelestarian yang tinggi menjelang tahun kewangan 2030 (Halaman 100, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).</p> <p>a) Adakah Bank sudah menyediakan rangka kerja yang rasmi untuk melaksanakan usaha wajar yang berkaitan iklim dan kelestarian sewaktu proses penerimaan pelanggan? Jika ya, apakah kriteria yang digariskan oleh rangka kerja itu?</p> <p>b) Apakah sektor yang mempunyai risiko kelestarian yang tinggi yang telah dikenal pasti oleh Bank? Apakah penumpuan pendedahan pembiayaan terhadap sektor-sektor ini?</p> <p>c) Bagaimanakah perancangan dan kemajuan untuk mengurangkan pendedahan pembiayaan terhadap sektor yang mempunyai risiko kelestarian yang tinggi ini?</p> <p>Melangkah ke hadapan, sila pertimbangkan untuk menzahirkan lebih lanjut tentang usaha syarikat dalam mengurangkan pendedahan terhadap sektor yang mempunyai risiko kelestarian yang tinggi bagi membolehkan pihak berkepentingan menilai usaha-usaha kelestarian yang telah dijalankan oleh syarikat dengan lebih baik.</p>
Maxis Berhad (AGM)	<p>1. "Kami perlu mengemudi landskap sektor telekomunikasi yang berubah pantas, yang merangkumi perubahan peraturan terhadap model rangkaian 5G dan harga</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>perkhidmatan, pasaran mudah alih yang hampir tepu, perubahan dalam keperluan pengguna, serta penggabungan sesetengah pemain utama.” (Halaman 4, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>“Pada 2023, kami memulakan program pengoptimuman kos selama tiga tahun yang memfokuskan pada penyusunan semula organisasi (<i>rightsizing</i>). Kami perlu menentukan semula asas untuk kos kami supaya kami berada pada kedudukan yang baik untuk merebut peluang pada masa hadapan.” (Halaman 7, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>“Pelaksanaan Piawaian Mandatori untuk Penetapan Harga Capaian (<i>Mandatory Standard of Access Pricing, MSAP</i>) baharu dengan harga jalur lebar yang lebih rendah.” (Halaman 17, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>a) Berkenaan program pengoptimuman kos selama tiga tahun yang sedang dijalankan, sila berikan perkembangan terkini tentang kemajuan yang dicapai setakat ini. Bagaimanakah program ini dijangka dapat meningkatkan kedudukan daya saing Syarikat dalam jangka panjang?</p> <p>b) Memandangkan landskap telekomunikasi yang berubah pantas, berserta cabaran yang diketengahkan dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2023, sila huraikan strategi khusus untuk mengekalkan dan/ atau mengembangkan bahagian pasaran dalam pasaran mudah alih yang tepu serta memastikan kemampuan Syarikat dalam jangka panjang.</p> <p>2. Dalam maklum balas kepada MSWG sewaktu AGM Syarikat yang ke-14, Maxis menyatakan bahawa Syarikat pada masa ini memberi tumpuan untuk mewujudkan garis dasar, yang akan berfungsi sebagai platform yang kukuh untuk mengenal pasti matlamat, KPI dan sasaran berkaitan alam sekitar yang konkrit, bergerak ke hadapan.</p> <p>Apakah kemajuan yang telah dicapai berhubung inisiatif alam sekitar ini? Bilakah tarikh siap yang diunjurkan bagi menetapkan garis dasar?</p>
P.I.E. Industrial Berhad (AGM)	<p>Pada 19 April, PIE mengumumkan bahawa, pada 31 Mac 2024 anak syarikat milik penuhnya iaitu Pan-International Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (PIESB) telah memperoleh sebuah pengeluaran luar negara yang mengkhusus dalam pelayan dan suis. Kilang PIESB ini, dengan keluasan binaan</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>280,000 kaki persegi, akan diperuntukkan sepenuhnya kepada pengilang. Pengeluaran perintis dijadualkan bermula pada penghujung 2024, manakala pengeluaran secara besar-besaran dijangka bermula pada 2025.</p> <p>Kemudian, pada 23 April, PIE seterusnya mengumumkan bahawa jangkauan pendapatan daripada pelanggan ini berjumlah RM1 bilion untuk tahun kewangan 2025 dan RM1.5 bilion untuk tahun kewangan 2026.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dari 31 Mac hingga 18 April, harga saham PIE meningkat sebanyak 56%, daripada RM3.56 kepada RM5.57. Peningkatan paling ketara berlaku beberapa hari sebelum pengumuman kepada Bursa, iaitu dari 16 April dan 18 April, melonjak 47% daripada RM3.80 kepada RM5.57. Kumpulan telah memperoleh pelanggan ini pada 31 Mac. Mengapakah Kumpulan mengambil masa yang begitu lama (lebih dari dua minggu) untuk mengumumkan maklumat penting ini kepada orang ramai? 2. Mengapakah Kumpulan membuat pengumuman lanjut pada 23 April mengenai jangkauan jualan daripada pelanggan yang sama? Adakah Kumpulan tidak mengetahui tentang jangkauan jualan ini sebelum pengumuman pertama pada 19 April? <p>Di bawah Bab 9.03 (2) Kehendak-kehendak Penyenaiaan Pasaran Utama, suatu maklumat dianggap penting, jika ia dijangka mempunyai kesan material ke atas - (a) harga, nilai atau aktiviti pasaran mana-mana sekuriti penerbit tersenarai; atau (b) keputusan pemegang sekuriti penerbit tersenarai atau pelabur dalam menentukan tindakan pilihannya. Oleh itu, maklumat penting perlu diumumkan segera bagi mengelakkan isu seperti perdagangan orang dalam dan pendulu. Maklumat sedemikian juga akan membantu pemegang saham minoriti membuat keputusan pelaburan termaklum.</p>
PPB Group Berhad (AGM)	<p>Di bawah Amalan 5.3 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), dinyatakan bahawa jika lembaga pengarah berhasrat untuk mengekalkan pengarah bebas melebihi sembilan tahun, mereka perlu memberikan justifikasi dan mendapatkan kelulusan pemegang saham dalam menyuarat agung tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.</p> <p>Resolusi 6 adalah untuk meluluskan penerusan pegangan jawatan En. Soh Chin Teck sebagai pengarah bebas sehingga 8 Oktober 2024 dan Resolusi 7 adalah untuk meluluskan penerusan pegangan jawatan Encik Ahmad Riza</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>bin Basir sebagai pengarah bebas sehingga tamat mesyuarat agung tahunan Syarikat (AGM) yang akan datang. Notis AGM ke-55 menyatakan bahawa kelulusan pemegang saham untuk Resolusi 6 dan 7 akan diminta melalui proses pengundian satu peringkat.</p> <p>Encik Soh Chin Teck dan Encik Ahmad Riza bin Basir masing-masing telah berkhidmat sebagai pengarah bebas untuk tempoh kumulatif lebih dari 9 tahun. Walaupun Lembaga Pengarah menegaskan keyakinan mereka terhadap keupayaan pengarah bebas untuk melaksanakan pertimbangan bebas dan bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat, menerima pakai proses pengundian dua peringkat akan memberi ketelusan yang lebih tinggi serta membolehkan penilaian yang lebih komprehensif tentang kebebasan berterusan seorang pengarah oleh pemegang saham, khususnya pemegang saham yang bukan besar.</p> <p>PPB mempunyai pilihan untuk mengekalkan pengarah yang telah lama berkhidmat sebagai pengarah bukan bebas. Pilihan ini masih akan membolehkan Syarikat mendapat manfaat daripada pengalaman dan pengetahuan mereka untuk melaksanakan tugas dan menggalas tanggungjawab mereka, pada masa yang sama menangani sebarang kebimbangan terhadap kebebasan mereka.</p> <p>Sila berikan butiran mengenai proses perancangan penggantian untuk pengarah bebas yang telah lama berkhidmat. Secara khusus, bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk mengenal pasti dan melantik pengarah bebas yang sesuai bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan dalam komposisi lembaga Syarikat, apabila kedua-dua pengarah bebas yang dinyatakan di atas telah menghampiri penghujung tempoh perkhidmatan mereka?</p> <p>Berapakah bilangan calon untuk jawatan pengarah bebas yang telah ditemu duga sehingga kini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.